

17 MAY 2003

Ling-MCA/I

DR LING MEMBISU MENGENAI USAHA HIDUPKAN SEMULA PELAN DAMAI

KAMPAR, 17 Mei (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini enggan mengulas spekulasi kononnya kumpulan yang tidak sehaluan dalam parti itu telah mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad beberapa hari lepas.

Beliau juga tidak memberi sebarang ulasan apabila ditanya sama ada rundingan akan diadakan bagi menghidupkan semula "Agenda Perdamaian dan Kestabilan" yang dicadangkan Perdana Menteri dan diterima MCA tahun lepas.

"Saya tidak mahu mengulas mengenainya pada masa ini," kata Dr Ling apabila ditanya sama ada beliau dan timbalannya Datuk Lim Ah Lek telah mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir secara berasingan minggu ini.

Ditanya adakah beliau menafikan spekulasi mengenai perkara itu yang disiarkan oleh akhbar Cina, Dr Ling berkata sekiranya ada sesuatu yang positif, beliau akan menyokongnya tetapi setakat ini perkara seperti itu belum lagi wujud.

"Sekiranya ada sesuatu yang positif, kami akan buat apa saja untuk menolong dan memberi sumbangan. Kami akan mengambil bahagian secara membina, tapi sekarang belum ada lagi," katanya selepas meninjau persiapan yang dibuat sempena perasmian Kolej Tunku Abdul Rahman (KTAR) Cawangan Kampar oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi esok.

Dr Ling juga berkata pelbagai khabar angin dan spekulasi yang terdapat sebelum ini terbukti tidak benar.

"Saya telah mendengar semua khabar angin ini sejak beberapa tahun lepas. Semuanya terbukti tidak benar," katanya.

Tahun lepas, Dr Mahathir, yang juga pengerusi Barisan Nasional telah mengemukakan pelan damai itu apabila pertikaian antara dua kumpulan dalam MCA menjadi semakin sengit dan dilihat boleh memecah belahkan parti kedua terbesar dalam BN itu.

Berikutan saranan Dr Mahathir, "Team A", yang diketuai Dr Ling dan "Team B" yang dipimpin oleh Lim, bersetuju agar pemilihan parti tahun lepas diteruskan tanpa sebarang pertandingan dan ini menyaksikan penyandang jawatan pada peringkat bahagian dan kebangsaan dipilih semula untuk tempoh tiga tahun lagi hingga 2005.

Pada 28 Jun lepas pula, Lim mengumumkan yang beliau rela melepaskan semua jawatan parti dengan syarat kepimpinan MCA dapat merangka satu pelan komprehensif mengenai pengambilalihan kepimpinan parti itu.

Bagaimanapun, pelan damai berkenaan nampaknya gagal menyelesaikan sengketa dalaman MCA yang berpunca daripada beberapa isu, terutama soal siapakah yang akan mengambil alih dua jawatan tertinggi parti itu.

Pada 6 Jan tahun ini, Lim berkata beliau akan mencabar Dr Ling bagi jawatan presiden MCA sekiranya ketua parti itu masih memegang jawatan presiden pada 2005.

Dr Ling pula berkata beliau tidak bercadang untuk melepaskan jawatan sebagai presiden MCA tetapi sedia berbuat demikian sekiranya isu pengambilalihan jawatan dalam parti itu dapat diselesaikan sebelum berakhirnya tempoh beliau memegang jawatan sekarang menjelang 2005.

Awal tahun ini, Dr Ling, yang juga Menteri Pengangkutan mengumumkan bahawa beliau telah menghantar surat peletakan jawatan yang tidak bertarikh sebagai menteri kabinet kepada Perdana Menteri Ogos tahun lepas.

Sementara itu, di KUALA LUMPUR, spekulasi tersebar di kalangan anggota parti berhubung usaha menghidupkan semula pelan damai itu dan perubahan pucuk pimpinan berdasarkan fakta bahawa badan pembuat keputusan parti itu,

Jawatankuasa Pusat (CC), akan mengadakan mesyuarat pada Jumaat.

Menurut sumber, mesyuarat CC pada tengah hari 23 Mei di Wisma MCA akan membincangkan perkara berhubung kepimpinan parti dan untuk mengumumkan "keputusan penting".

"Spekulasi tersebar luas," menurut seorang sumber yang enggan dikenali.

Di bawah perlembagaan MCA, sebarang perubahan dalam pucuk pimpinan parti perlu diputuskan oleh Jawatankuasa Pusat, yang juga boleh memutuskan untuk menyerahkan kepada perwakilan untuk membuat keputusan dengan mengadakan Mesyuarat Agung Luarbiasa (EGM).

-- BERNAMA

AT HK RHM